

CONTENTS

Notification Numbers	Subjects	Pages
S 57	Constitution of Brunei Darussalam — Income Tax Act (Amendment) (No. 2) Order, 2016	4357
S 58	Income Tax Act (Chapter 35) — Income Tax (Board of Review) (Petitions for Review Procedure) Regulations, 2016	4366
S 59	Constitution of Brunei Darussalam — Legal Profession Act (Amendment) Order, 2016	4372
S 60	Road Traffic Act (Chapter 68) — Road Traffic (Composition of Offences) Rules, 2016	4375

The following Notifications are published for general information by Command of
His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam.

Bil. S 57

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2016

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan bab 65 dari Penggal 35
 3. Pindaan Bahagian XII
 4. Pemasukan bab-bab 66A, 66B dan 66C baru
 5. Penggantian bab 67
 6. Pemasukan bab-bab 67A dan 67B baru
 7. Pindaan bab 68
 8. Pindaan bab 70
 9. Pindaan bab 77
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (Bil. 2), 2016 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Oktober 2016.

Pindaan bab 65 dari Penggal 35

2. Bab 65 dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda, dalam proviso kepada ceraian (4), dengan memasukkan “review or” sejurus sebelum “appeal” dalam baris akhir kedua.

Pindaan Bahagian XII

3. Bahagian XII Akta itu adalah dipinda dengan memotong “APPEALS” dari tajuk dan menggantikannya dengan “REVIEWS AND APPEALS”.

Pemasukan bab-bab 66A, 66B dan 66C baru

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus sebelum bab 67 tiga bab baru yang berikut —

“Lembaga Kajian Semula

66A. (1) Bagi maksud mendengar petisyen bagi kajian semula mengikut cara yang diperuntukkan selepas ini, maka hendaklah ada Lembaga Kajian Semula (disebut dalam Bahagian ini sebagai Lembaga) yang terdiri daripada 6 orang ahli yang dilantik dari semasa ke semasa oleh Menteri.

(2) Ahli-ahli Lembaga hendaklah memegang jawatan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Menteri boleh pada bila-bila masa memecat mana-mana ahli Lembaga daripada jawatan tanpa memberikan apa-apa sebab.

(4) Seseorang ahli Lembaga boleh meletakkan jawatannya dengan notis secara bertulis kepada Menteri.

(5) Menteri boleh melantik daripada kalangan ahli-ahli Lembaga seorang Pengerusi Lembaga sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(6) Mesyuarat Lembaga hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga.

(7) Menteri boleh melantik seorang setiausaha kepada Lembaga dan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja lain sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh Lembaga.

(8) Semua kuasa, tugas dan kewajipan Lembaga boleh dijalankan, ditunaikan dan dilaksanakan oleh suatu jawatankuasa Lembaga yang terdiri tidak kurang daripada 3 orang ahli Lembaga, sekurang-kurangnya seorang daripadanya adalah Pengerusi Lembaga.

(9) Apa-apa perbuatan, dapatan atau keputusan mana-mana jawatankuasa tersebut hendaklah dianggap sebagai perbuatan, dapatan atau keputusan Lembaga.

(10) Setiausaha hendaklah menyaman ahli-ahli Lembaga sebagaimana yang mungkin dinamakan oleh Pengerusi Lembaga untuk menubuhkan suatu jawatankuasa Lembaga bagi maksud-maksud menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini, dan menjadi kewajipan ahli-ahli tersebut untuk hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam saman itu.

(11) Mesyuarat suatu jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga.

(12) Semua perkara yang sampai ke hadapan Lembaga atau suatu jawatankuasa Lembaga dalam sebarang persidangannya hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi ahli-ahli Lembaga yang hadir, dan, sekiranya terdapat persamaan undi, Pengerusi Lembaga hendaklah mempunyai undi kedua atau pemutus.

(13) Ahli-ahli Lembaga adalah berhak menerima ganjaran dan elaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri.

(14) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan —

(a) yang menetapkan cara bagaimana petisyen bagi kajian semula dibuat kepada Lembaga;

(b) yang menetapkan prosedur yang akan diterima pakai oleh Lembaga dalam mendengar petisyen bagi kajian semula dan rekod yang akan disimpan oleh Lembaga;

(c) yang menetapkan tempat di mana dan masa petisyen bagi kajian semula didengar oleh Lembaga;

(d) yang menetapkan bayaran yang akan dibuat berkaitan dengan mana-mana petisyen bagi kajian semula di bawah Bahagian ini;

(e) yang menetapkan jadual kos berkaitan dengan petisyen bagi kajian semula kepada Lembaga; dan

(f) pada amnya untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini dengan lebih baik lagi.

Hak kajian semula

66B. (1) Mana-mana orang yang, tidak puas hati dengan suatu taksiran yang dibuat ke atasnya, tidak bersetuju dengan Pemungut mengikut cara yang diperuntukkan dalam bab 65 boleh memohon kepada Lembaga dengan menyerahkan kepada setiausaha, dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyampaian keputusan Pemungut berkaitan dengan notis bantahannya, suatu petisyen bagi kajian semula dalam empat salinan yang mengandungi suatu pernyataan alasan petisyen itu.

(2) Setiap petisyen bagi kajian semula hendaklah mengandungi —

(a) suatu alamat penyampaian; dan

(b) sebab-sebab bantahan tersebut.

(3) Selepas menerima suatu petisyen bagi kajian semula, setiausaha hendaklah dengan segera mengemukakan satu salinannya kepada Pemungut.

(4) Pengerusi Lembaga boleh, mengikut budi bicaranya dan atas terma-terma sebagaimana yang difikirkannya patut, membenarkan mana-mana orang untuk meneruskan kajian semula walaupun petisyen bagi kajian semula itu tidak diserahkan dalam masa yang dihadkan oleh bab ini, jika dibuktikan sehingga memuaskan hati Pengerusi Lembaga bahawa orang itu dihalang daripada menyerahkan petisyen bagi kajian semula itu dalam masa yang sepatutnya oleh sebab tidak berada di Negara Brunei

Darussalam, sakit atau sebab lain yang munasabah dan bahawa tiada terdapat kelambatan yang tidak munasabah dari pihaknya.

(5) Kecuali dengan persetujuan Lembaga dan atas terma-terma sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga, pempetisyen tidak boleh dalam pendengaran petisyen bagi kajian semulanya bersandar kepada apa-apa alasan petisyen bagi kajian semula selain daripada alasan yang dinyatakan dalam petisyen bagi kajian semulanya.

Pendengaran dan penyelesaian petisyen bagi kajian semula

66C. (1) Selepas menerima suatu petisyen bagi kajian semula, setiausaha hendaklah —

(a) dengan segera mengemukakan satu salinannya kepada Pemungut;

(b) menetapkan masa dan tempat bagi pendengaran petisyen bagi kajian semula itu; dan

(c) memberikan notis 14 hari mengenainya kepada pempetisyen dan juga kepada Pemungut.

(2) Pempetisyen dan Pemungut hendaklah hadir, sama ada sendiri atau melalui seorang peguam bela dan peguam cara atau akauntan, pada masa dan di tempat sebagaimana yang mungkin ditetapkan bagi pendengaran petisyen bagi kajian semula itu. Pemungut boleh mengarahkan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya di bawah bab 3(2) untuk hadir bagi pihaknya atau mewakilinya di hadapan Lembaga.

(3) Jika terbukti sehingga memuaskan hati Lembaga bahawa, oleh sebab tidak berada di Negara Brunei Darussalam, sakit atau sebab lain yang munasabah, mana-mana orang dilarang daripada hadir, Lembaga boleh menangguhkan pendengaran petisyen bagi kajian semula itu bagi masa yang munasabah sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(4) Beban untuk membuktikan bahawa taksiran itu berlebihan adalah kepada pempetisyen.

(5) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang berikut —

(a) menyaman hadir dalam pendengaran suatu petisyen bagi kajian semula mana-mana orang yang mungkin dianggapnya boleh memberikan keterangan berkaitan dengan petisyen bagi kajian semula itu, memeriksa orang itu sebagai seorang saksi sama ada dengan mengangkat sumpah atau pun selainnya dan menghendaki orang itu mengemukakan buku, kertas atau dokumen sebagaimana yang

mungkin difikirkan perlu oleh Lembaga bagi maksud-maksud kajian semula itu;

(b) membenarkan mana-mana orang yang hadir itu, apa-apa perbelanjaan munasabah yang sepatutnya dilakukan olehnya untuk hadir itu; perbelanjaan tersebut hendaklah menjadi sebahagian daripada kos kajian semula itu dan, sementara menunggu dan tertakluk kepada mana-mana perintah oleh Lembaga tentang kos tersebut, hendaklah dibayar oleh pempetisyen atau Pemungut, sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Lembaga;

(c) segala kuasa Mahkamah Majistret berkenaan dengan penguatkuasaan kehadiran saksi, pendengaran keterangan dengan mengangkat sumpah dan hukuman kerana menghinia;

(d) tertakluk kepada bab 66B(5), menerima atau menolak apa-apa keterangan yang dikemukakan, sama ada lisan atau berdokumen dan sama ada boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa itu berhubung dengan kebolehterimaan keterangan.

(6) Tiap-tiap orang yang diperiksa sebagai seorang saksi oleh atau di hadapan Lembaga, sama ada dengan mengangkat sumpah atau pun selainnya, hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar dan mengemukakan buku, kertas atau dokumen sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Lembaga.

(7) Kos suatu kajian semula adalah mengikut budi bicara Lembaga dan hendaklah sama ada ditetapkan oleh Lembaga atau, atas perintah Lembaga, menurut jadual kos yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 66A(14)(e).

(8) Jika Pemungut diawardkan kos suatu kajian semula, dia adalah berhak mendapat kos kajian semula itu dengan sepenuhnya, termasuk suatu bayaran bagi mana-mana peguam yang hadir bagi pihaknya dalam petisyen bagi kajian semula itu, dan amaun kos tersebut hendaklah ditambah kepada cukai yang dikenakan, jika ada, dan boleh didapatkan balik seolah-olah ia adalah cukai yang dikenakan di bawah Akta ini dan kena dibayar oleh pempetisyen.

(9) Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua dalam bab 70, Lembaga boleh, atas permohonan Pemungut yang dibuat pada bila-bila masa selepas petisyen bagi kajian semula itu difailkan, menghendaki pempetisyen untuk memberikan jaminan, dalam jumlah wang dan dalam masa sebagaimana yang mungkin ditentukan, bagi pembayaran cukai, dan jika jaminan tidak diberikan dalam jumlah wang dan dalam masa yang ditentukan itu, cukai

yang ditaksir oleh Pemungut hendaklah menjadi kena dibayar dan boleh didapatkan balik dengan segera.

(10) Lembaga boleh, selepas mendengar suatu petisyen bagi kajian semula, mengesahkan, mengurangkan, menambah atau membatalkan taksiran itu atau membuat perintah mengenainya sebagaimana yang difikirkannya patut.

(11) Jika, di bawah ceraian (10), Lembaga tidak mengurangkan atau membatalkan taksiran itu, Lembaga boleh, jika pada pendapatnya petisyen bagi kajian semula itu menyusahkan atau remeh, memerintahkan pempetisyen untuk membayar, sebagai kos Lembaga dan sebagai tambahan kepada apa-apa kos yang diawardkan kepada Pemungut, suatu jumlah wang tidak melebihi \$250, jumlah wang itu hendaklah ditambah kepada cukai yang dikenakan, jika ada, dan boleh didapatkan balik seolah-olah ia adalah cukai yang dikenakan di bawah Akta ini dan kena dibayar olehnya.

(12) Setiap ahli Lembaga, apabila dan selagi dia bertindak sedemikian, hendaklah dianggap sebagai seorang kakitangan kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) dan hendaklah menikmati kekebalan kehakiman sama seperti yang dinikmati oleh seorang hakim.

(13) Semua prosiding dalam petisyen bagi kajian semula kepada Lembaga di bawah Akta ini hendaklah dianggap sebagai prosiding kehakiman dalam makna Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22).

(14) Notis amaun cukai yang kena dibayar di bawah taksiran yang ditentukan oleh Lembaga hendaklah disampaikan oleh Pemungut kepada pempetisyen sama ada sendiri, secara elektronik atau melalui pos berdaftar.”.

Penggantian bab 67

5. Bab 67 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Rayuan kepada Mahkamah Tinggi

67. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab ini, keputusan Lembaga adalah muktamad.

(2) Dalam sebarang kes di mana amaun cukai yang kena dibayar yang ditentukan oleh Lembaga (tidak termasuk amaun mana-mana kos yang diawardkan) melebihi \$3,000, perayu atau Pemungut boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi dari keputusan Lembaga mengenai apa-apa persoalan undang-undang atau persoalan bercampur undang-undang dan fakta.

(3) Rayuan itu hendaklah difailkan dalam masa 30 hari dari keputusan Lembaga diterima:

Dengan syarat bahawa, walaupun tempoh 30 hari tersebut telah luput, perayu boleh merayu terhadap taksiran itu jika dia membuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah Tinggi bahawa, oleh sebab tidak berada di Negara Brunei Darussalam, sakit atau sebab lain yang munasabah, dia dihalang daripada memberikan notis rayuan dalam tempoh tersebut, dan bahawa tiada terdapat kelambatan yang tidak munasabah dari pihaknya.

(4) Prosedur berkenaan dengan rayuan tersebut kepada Mahkamah Tinggi adalah sama seperti rayuan kepada Mahkamah Tinggi dalam guaman sivil.

(5) Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang terkandung dalam bab 70, jika dalam sebarang kes tertentu Mahkamah Tinggi, daripada maklumat yang diberikan dalam pendengaran rayuan tersebut, berpendapat bahawa cukai itu tidak boleh didapatkan balik, Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan yang dibuat oleh atau bagi pihak Pemungut, menghendaki perayu untuk memberikan dalam masa sebagaimana yang mungkin ditentukan jaminan bagi pembayaran cukai itu dan jika jaminan tersebut tidak diberikan dalam masa yang ditentukan, cukai yang ditaksir itu hendaklah menjadi kena dibayar dan boleh didapatkan balik dengan serta-merta.

(6) Mahkamah Tinggi hendaklah mendengar dan memutuskan mana-mana rayuan tersebut dan boleh mengesahkan, mengurangkan, menambah atau membatalkan taksiran yang ditentukan oleh Lembaga dan membuat perintah selanjutnya atau perintah lain mengenai rayuan itu, sama ada tentang kos atau pun selainnya, sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Mahkamah Tinggi.

(7) Suatu notis mengenai amaun cukai yang kena dibayar di bawah taksiran yang ditentukan atas rayuan hendaklah disampaikan oleh Pemungut kepada pembayar cukai yang berkenaan sebagai suatu pihak dalam rayuan itu sama ada sendiri, secara elektronik atau melalui pos berdaftar.

(8) Semua rayuan hendaklah didengar secara tertutup, melainkan jika Mahkamah Tinggi, atas permohonan pembayar cukai yang berkenaan sebagai suatu pihak dalam rayuan itu, mengarahkan selainnya:

Dengan syarat bahawa jika, pada pendapat Ketua Hakim, mana-mana rayuan yang didengar secara tertutup patut dilaporkan, dia boleh membenarkan penyiaran fakta-fakta kes itu, hujah-hujah dan keputusan tanpa mendedahkan nama pembayar cukai yang berkenaan.

(9) Maka hendaklah ada hak untuk merayu lagi daripada keputusan Mahkamah Tinggi di bawah bab ini yang wujud dalam hal keputusan yang dibuat oleh Mahkamah itu pada menjalankan bidang kuasa sivil asalnya.”.

Pemasukan bab-bab 67A dan 67B baru

6. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 67 dua bab baru yang berikut —

“Rayuan kepada Mahkamah Rayuan

67A. (1) Dalam sebarang kes di mana amaun cukai yang kena dibayar yang ditentukan oleh Mahkamah Tinggi (tidak termasuk amaun mana-mana kos yang diawardkan) melebihi \$5,000, perayu atau Pemungut boleh merayu kepada Mahkamah Rayuan dari keputusan Mahkamah Tinggi mengenai apa-apa persoalan undang-undang atau persoalan bercampur undang-undang dan fakta.

(2) Prosedur berkenaan dengan rayuan tersebut adalah sama seperti rayuan kepada Mahkamah Rayuan dari keputusan Mahkamah Tinggi dalam guaman sivil.

Aturan-aturan tentang rayuan

67B. Ketua Hakim boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan yang mengadakan peruntukan bagi —

(a) cara mengemukakan keterangan di hadapan Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan, mengikut mana yang berkenaan, mengenai rayuan;

(b) perjalanan rayuan itu; dan

(c) pada amnya bagi penguatkuasaan peruntukan-peruntukan bab 67 dan 67A.”.

Pindaan bab 68

7. Bab 68 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan “, petition for review” sejurus selepas “objection” dalam baris pertama;

(b) dalam perenggan (c), dengan memasukkan “, review” sejurus selepas “objection”;

(c) dengan memasukkan “review or” sejurus sebelum “appeal” dalam baris akhir ketujuh;

(d) dengan memasukkan “review or” sejurus sebelum “appeal” dalam baris akhir.

Pindaan bab 70

8. Bab 70 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1) —

(a) dengan memasukkan “, review” sejurus selepas “objection” dalam baris ketiga;

(b) dengan memotong “further” dari baris akhir ketiga.

Pindaan bab 77

9. Bab 77 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1) —

(a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan “, review” sejurus selepas “objection” dalam baris ketiga;

(b) dalam perenggan (b), dengan memotong “36 atau 37” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “37, 37A atau 37B”.

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 19 haribulan September, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM